



---

No Rujukan : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (35)

Tarikh : 15 Ogos 2013

## SIARAN MEDIA

### MAKMAL KHAS KAJI MASALAH PERUMAHAN NEGARA

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menganjurkan **Makmal Perumahan** yang bertujuan mengenal pasti dan membincangkan inisiatif segera yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi pelbagai isu perumahan negara, termasuk pengawalan harga rumah.

**Makmal Perumahan 2013** atau mengikut jenama media sosialnya *#HouseLab*, akan berlangsung selama sehari pada 22 Ogos 2013, dan bakal dihadiri kira-kira 100 pakar daripada pelbagai agensi kerajaan, sektor perumahan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abdul Rahman Dahlan, berkata Makmal Perumahan itu dijangka mengenal pasti strategi terbaik dalam menangani masalah kos rumah di negara ini, dalam tempoh jangka pendek.

“Jalan penyelesaian untuk mengawal kos rumah tidak terhad kepada penurunan harga semata-mata, tetapi boleh membabitkan pelbagai langkah lain seperti kadar dan tempoh pinjaman bank, dan strategi lain.

“Selain itu, makmal ini juga akan melihat bagaimana kedua-dua sektor awam dan swasta boleh berganding bahu dalam menyelaraskan inisiatif perumahan kebangsaan, termasuk mensekukan pelbagai proses dalam pembinaan rumah di negara ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Isu kenaikan harga rumah yang menjejaskan keupayaan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah, merupakan salah satu isu yang sering diperkatakan pada masa ini.

Abdul Rahman berkata, antara elemen penting yang akan diambil kira dalam bengkel berkenaan termasuk:

- Kos pembinaan rumah di negara ini;
- Dasar perumahan yang diamalkan sehingga kini dan kesesuaiannya;
- Aspek kewangan dan pinjaman;
- Perancangan dan isu sosial dalam sektor perumahan; dan
- Pasaran Sektor Perumahan (Permintaan dan Penawaran)

Makmal berkenaan bakal disertai pelbagai pihak termasuk wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ahli akademik daripada universiti tempatan, wakil bank-bank tempatan, syarikat utiliti, badan-badan profesional, wakil Persatuan Pemaju Perumahan (REHDA), Persatuan Pembeli Rumah (HBA), PR1MA, Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan PEMANDU.

Selain itu, enam pengikut akaun Twitter Menteri, Dato' Abdul Rahman Dahlan menerusi @mpkotabelud, yang menawarkan idea terbaik untuk menurunkan harga rumah, akan dipilih untuk menyertai Makmal Perumahan ini. Mereka perlu mengemukakan idea bernas kepada akaun twitter berkenaan sebelum jam 11.59 malam 15 Ogos 2013, untuk dipilih menyertai program itu.

---

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh	:	Unit Komunikasi Korporat b.p. Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon	:	03-8891 5555
Faks	:	03-8891 5557
e-mail	:	<a href="mailto:pro@kpkt.gov.my">pro@kpkt.gov.my</a>